

APLIKASI MUDAH ALIH HIMPUNAN DOA BERDASARKAN EMOSI (DU'A DIARY)

SHARIFAH DANISHA HUMAIRA BINTI WAN IDRUS

ROSSILAWATI BINTI SULAIMAN

*Fakulti Teknologi & Sains Maklumat, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi,
Selangor, Malaysia*

ABSTRAK

Doa merupakan suatu seruan atau permintaan kepada tuhan yang diucapkan seseorang yang percaya kepada-Nya berdasarkan agama yang dianuti. Sebagai seorang Muslim, ianya dilakukan untuk menunjukkan rasa rendah diri terhadap Allah SWT dengan cara meminta ampun atau ketika mengharapkan sesuatu daripada-Nya. Manusia dikurniakan pelbagai emosi, seperti marah, sedih, kecewa, gembira dan lain-lain. Walaubagaimanapun, mereka kadangkala kurang mahir dalam menguruskan perasaan tersebut. Himpunan seperti doa dan hadis sudah tersebar luas di merata platform namun ia kurang teratur dan kadang kala terdapat kekurangan dari sumber maklumat, misalnya dari mana doa tersebut diambil. Oleh itu, dengan menggunakan perisian Android Studio, aplikasi mudah alih ini dibangunkan dengan tujuan memudahkan umat Islam mendapatkan koleksi doa, zikir atau ayat al-Quran yang bersesuaian dengan perasaan atau keadaan yang sedang dihadapi. Hal ini supaya individu dapat mengendalikan emosi dengan cara yang lebih baik serta membantu mereka lebih memahami dan mendalami ayat-ayat al-Quran yang sering dibaca melalui terjemahan dan tafsir bagi ayat suci tersebut. Di samping itu, transliterasi Arab-Rumi juga disediakan bagi membantu individu yang kurang mahir membaca tulisan Arab untuk mengetahui cara sebutannya. Dengan menyediakan terjemahan ke Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris, ia mampu dimanfaatkan oleh lebih ramai pengguna. Penjejak emosi akan diimplementasi untuk melihat rekod bulanan emosi yang disimpan dari hari ke hari agar dapat mengenalpasti punca dan corak perubahannya. Bagi memastikan pengguna mengingatkan untuk merekod emosi mereka pada hari tersebut, aplikasi ini menyediakan ciri peringatan supaya mereka tidak lupa untuk mengamalkan doa setiap hari walaupun tidak berlaku perubahan yang ketara pada keadaan mereka. Metodologi kajian yang digunakan adalah Model Air Terjun. Hasil daripada penciptaan aplikasi ini diharap dapat membantu pengguna dalam mengendalikan emosi dengan lebih baik serta merapatkan hubungan dengan Allah SWT.

Kata kunci:

PENGENALAN

Doa merupakan suatu seruan atau permintaan kepada tuhan yang diucapkan seseorang yang percaya kepada-Nya berdasarkan agama yang dianuti. Umat Islam amat digalakkan untuk sentiasa berdoa terutama ketika ingin meminta bantuan atau pertolongan daripada Tuhan, dan ia juga merupakan salah satu cara yang dapat merapatkan hubungan seorang hamba dengan Allah SWT. Islam bukanlah sekadar agama, tetapi ia juga merupakan cara hidup kerana itu manusia tidak dapat dipisahkan daripada agamanya. Dengan adanya agama dan berpandukan dengan Al-Quran dan As-Sunnah, umat Islam dapat hidup dalam keadaan yang baik kerana ia adalah aturan dan panduan hidup yang sempurna bagi umat Islam.

Menurut Ibn Qayyim dalam Ad-Dā'i wa Dawā (t.th): *“Doa merupakan ubat yang paling bermanfaat. Ia merupakan musuh bagi musibah. Ia dapat mengubati dan mengatasinya, mencegah turunnya musibah atau mengangkatnya atau meringankannya. Ia merupakan senjata orang beriman.”* Ayat ini menjelaskan betapa pentingnya doa kerana ia merupakan pengubat hati bagi segala cabaran yang dihadapi. Doa itu juga dapat meningkatkan kesabaran dalam diri agar kita tidak melakukan sesuatu yang akan dikesali di kemudian hari. Ketahuilah bahawa besar ganjaran bagi mereka yang dapat mengawal emosi dengan baik, seperti firman Allah dalam surah Ali-Imran, 3:134:

الَّذِينَ يُنْفِقُونَ فِي السَّرَّاءِ وَالضَّرَّاءِ وَالْكَبِيمِ وَالْعَظِيمِ وَالْعَافِينَ عَنِ النَّاسِ ۗ وَاللَّهُ يُحِبُّ الْمُحْسِنِينَ

Maksud: *“Iaitu orang-orang yang mendermakan hartanya pada masa senang dan susah, dan orang-orang yang menahan kemarahannya, dan orang-orang yang memaafkan kesalahan orang. Dan (ingatlah), Allah mengasihi orang-orang yang berbuat perkara-perkara yang baik.”*

Hadis yang diriwayatkan daripada Abu Hurairah RA berkata:

أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ: «لَيْسَ الشَّدِيدُ بِالصُّرْعَةِ، إِنَّمَا الشَّدِيدُ الَّذِي يَمْلِكُ نَفْسَهُ عِنْدَ الْغَضَبِ»

(Riwayat al-Bukhari, 6114)

Maksud: *“Orang kuat itu bukanlah orang yang kuat bergusti, akan tetapi orang kuat adalah orang yang dapat menahan dirinya ketika marah.”* Berdasarkan ayat-ayat tersebut, sudah terang lagi bersuluh bahawa Islam sangat menitikberatkan manusia agar kekal sabar walau apa pun ujian yang menimpa. Bukan sahaja melalui doa, amalan zikir juga dapat membantu mengubat hati yang sedang berada dalam kesukaran. Dalam surah Ar-Ra'd, 13:28:

الَّذِينَ ءَامَنُوا وَتَطْمَئِنُّ قُلُوبُهُمْ بِذِكْرِ اللَّهِ أَلَا بِذِكْرِ اللَّهِ تَطْمَئِنُّ الْقُلُوبُ

Maksud: “(Iaitu) orang-orang yang beriman dan tenang tenteram hati mereka dengan “zikrullah”. Ketahuilah dengan “zikrullah” itu, tenang tenteramlah hati manusia.”

Berdasarkan Kamus Dewan, zikir membawa maksud “perbuatan mengingati Allah SWT dengan menyebut atau mengucap kalimah *tayyibah* seperti *Astaghfirullah*, *Allah Akbar*, *La ilaha Illa Allah*, sama ada dengan lidah (secara kuat) atau dalam hati (secara senyap) berulang kali.” Tujuan berzikir adalah untuk mengingati Allah SWT demi mendapat keredhaan-Nya. Apabila kita kerap membasahi lidah dengan zikir, ianya mampu membersihkan hati dari segala ‘kotoran’ seperti perasaan bimbang, gelisah, dan kedukaan. Allah SWT sangat menyayangi mereka yang sentiasa mengingati-Nya. Saat hamba-hambaNya menadahkan tangan untuk berdoa atau menggerakkan bibir untuk berzikir, Allah akan memberikan bantuan atau ganjaran yang besar kepada mereka. Bilamana hati kita bersih, maka hilanglah segala perasaan atau pemikiran yang negatif.

Seperti yang dinyatakan di atas, agama berkait rapat dengan cara hidup manusia. Apabila kurangnya hubungan manusia dengan agama, maka ia akan menimbulkan pelbagai kemudaratan. Tidak dinafikan, seorang individu tidak dapat lari dari mengalami tekanan, kemurungan atau keresahan dalam kehidupannya. Hal ini menjadi lebih membimbangkan apabila individu tersebut memilih untuk mengambil tindakan yang drastik, iaitu dengan membunuh diri. Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO 2022) melaporkan lebih daripada 703,000 kematian akibat bunuh diri setiap tahun di seluruh dunia, dengan purata 1 kematian setiap 40 saat. Di Malaysia, sumber daripada Polis Diraja Malaysia (PDRM 2022) melaporkan bahawa terdapat peningkatan kes bunuh diri pada tahun 2021 iaitu sebanyak 1,142 kes berbanding 631 kes pada tahun 2020. Kebanyakan kes tersebut berkaitan dengan masalah jiwa atau rohani individu itu. Jadi, kesihatan dari segi rohani amatlah penting untuk dipelihara agar tidak terjebak dengan perbuatan yang tidak terjangka dek akal.

METODOLOGI KAJIAN

Metodologi yang digunakan untuk membangunkan aplikasi ini adalah Model Air Terjun (*Waterfall Model*). Model ini dipilih kerana ia dilaksanakan secara berperingkat dan menggambarkan aktiviti yang akan dilaksanakan lebih jelas berbanding model lain. Dalam pada itu, ia juga merupakan pendekatan yang berstruktur di mana pengesahan dan penyemakan dapat dibuat pada setiap peringkat agar dapat mengesan kesilapan atau kekurangan projek lebih awal.

Fasa analisis

Penganalisan keperluan dan pemahaman permasalahan dilakukan bagi mengenal pasti keperluan projek ini. Keperluan pengguna hendaklah diteliti agar aplikasi ini dapat mencapai objektif yang telah dibincangkan.

Fasa reka bentuk

Perancangan aplikasi dari segi teknikal seperti susun atur, antara muka pengguna (UI), pengalaman pengguna (UX) dan pangkalan data dilakukan berdasarkan keperluan produk yang terhasil daripada fasa analisis.

Fasa implementasi

Aplikasi akan dibangunkan setelah selesai fasa perancangan, di mana elemen-elemen yang telah siap akan digabungkan untuk menghasilkan aplikasi yang lengkap. Prototaip reka bentuk antara muka aplikasi dirangka dan diprogramkan menggunakan perisian seperti *Figma* dan *Android Studio*.


Fasa pengujian

Sebelum aplikasi ini dikeluarkan kepada pengguna, produk akan diuji terlebih dahulu setelah selesainya fasa implementasi. Ini dilakukan untuk memastikan produk telah memenuhi keperluan pengguna dan mencapai objektif yang ditetapkan.

KEPUTUSAN DAN PERBINCANGAN


Aplikasi Du'a Diary telah berjaya dibangunkan dan semua dokumentasinya telah dilengkapkan. Semasa proses pembangunan, sistem dibangunkan menggunakan perisian Android Studio dengan bahasa pengaturcaraan Java. Pangkalan data yang digunakan ialah pangkalan data Firebase.

Apabila pengguna membuka aplikasi Du'a Diary, halaman pertama yang akan dipaparkan adalah halaman "Emosi" (Rajah 1). Halaman ini menyenaraikan emosi yang terdapat dalam pangkalan data Du'a Diary. Pengguna boleh memilih dan mencari emosi yang diinginkan. Selain itu, terdapat butang log masuk dan keluar pada bahagian atas halaman ini.




Rajah 1: Antara Muka Halaman Utama (Emosi)

Pengguna dapat mendaftar akaun menggunakan e-mel dan kata laluan pada antara muka daftar akaun (Rajah 2). E-mel yang digunakan mestilah unik dan tidak wujud dalam pangkalan data terlebih dahulu. Jika e-mel yang dimasukkan telah wujud, sistem akan memaparkan mesej ralat, dan pengguna akan diminta untuk log masuk menggunakan butiran akaun tersebut. Kata laluan juga perlu dimasukkan dua kali sebagai langkah pengesahan.



Rajah 2: Antara Muka Daftar Akaun


Seperti yang ditunjukkan dalam Rajah 3, pengguna dapat log masuk ke dalam akaun menggunakan e-mel dan kata laluan yang telah didaftarkan. Jika e-mel yang dimasukkan tidak wujud dalam pangkalan data, sistem akan memaparkan mesej ralat, dan pengguna akan diminta untuk mendaftar akaun terlebih dahulu. Pengguna tidak diwajibkan untuk log masuk untuk menggunakan aplikasi Du'a Diary.



The image shows a mobile application login screen for 'Du'a Diary'. The screen features a teal header with the app name and a close button. The main content area is white and contains the app title, two input fields for email and password, a teal 'Login' button, and a link for 'Daftar Akaun Baharu' (Register New Account). A large watermark 'Copyright@FTSM' is overlaid diagonally across the screen.


Rajah 3: Antara Muka Log Masuk

Setelah pengguna memilih emosi yang diinginkan, sistem akan memaparkan senarai doa, ayat atau zikir berkaitan dengan emosi yang dipilih (Rajah 4). Pengguna boleh memilih daripada pilihan yang tersedia, di mana setiap emosi mempunyai sekurang-kurangnya satu doa, ayat atau zikir. Pada halaman ini juga, pengguna yang telah log masuk boleh menekan ikon "Rekod Mood Harian". Sistem akan merekod emosi yang dipilih dan simpan maklumat tersebut pada fungsi "Penjejak".



Rajah 4: Antara Muka Pilihan Doa

Apabila pengguna telah membuat pilihan doa, sistem akan memaparkan maklumat seperti doa dalam Bahasa Arab, transliterasi Arab-Rumi, terjemahan dan hadith dari mana doa tersebut dipetik (jika ada). Pada halaman ini juga, pengguna boleh memilih untuk menyimpan doa ke dalam kegemaran, atau mengeluarkannya daripada kegemaran dengan menekan ikon hati. Rajah 5 menggambarkan antara muka halaman doa.



Rajah 5: Antara Muka Paparan Doa

Pengguna boleh melihat senarai doa, ayat atau zikir kegemaran setelah menekan butang menu “Kegemaran” (Rajah 6). Bagi pengguna yang tidak log masuk, senarai tersebut hanya akan disimpan dalam peranti pengguna. Jika pengguna ingin mencapai senarai kegemaran di peranti semasa pada peranti lain, pengguna hendak log masuk terlebih dahulu. Bagi pengguna yang telah log masuk, senarai tersebut akan disimpan ke dalam pangkalan data Du’a Diary.



Rajah 6: Antara Muka Senarai Kegemaran

KESIMPULAN

Secara keseluruhannya, aplikasi ini telah berjaya dibangunkan dengan menggunakan maklumat yang telah dikaji dan diperolehi semasa fasa analisis. Objektif kajian dan keperluan yang telah ditetapkan telah berjaya dicapai. Diharapkan pembangunan sistem ini dapat dijadikan titik kajian untuk kajian lain pada masa hadapan.

Cadangan Penambahbaikan

Selepas menjalankan kajian yang menyeluruh, cadangan untuk menambahbaik aplikasi ini pada masa hadapan adalah dengan membuat kajian lebih mendalam berkaitan cara implementasi fungsi-fungsi yang sedia ada supaya sistem dapat berjalan dengan lebih cekap.

Kekuatan Sistem

Kekuatan aplikasi ini terletak pada kebolehan untuk digunakan tanpa perlu log masuk terlebih dahulu. Walaubagaimanapun, fungsi yang boleh diakses oleh pengguna tidak berdaftar akan menjadi terhad. Sebagai contoh, fungsi “Penjejak” hanya boleh digunakan oleh pengguna berdaftar.

Kelemahan Sistem

Segala maklumat yang dipaparkan pada aplikasi ini disimpan pada pangkalan data Firebase. Oleh itu, data-data tersebut tidak boleh dicapai jika peranti tidak bersambung dengan internet. Hal ini juga boleh menimbulkan masalah teknikal jika terdapat gangguan pada pelayan pangkalan data. Selain itu, fungsi “Penjejak” hanya boleh merekod emosi pada hari tersebut sahaja, bermaksud pengguna tidak boleh memasukkan rekod pada tarikh yang telah berlalu.

PENGHARGAAN

Saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan jutaan terima kasih kepada Dr. Rossilawati Sulaiman, penyelia penulis kajian ini yang telah memberi tunjuk ajar serta bimbingan untuk menyiapkan projek ini dengan jayanya.

Saya juga ingin mengucapkan terima kasih kepada semua pihak yang membantu secara langsung mahupun tidak langsung dalam menyempurnakan projek ini. Segala bantuan yang telah dihulurkan amatlah dihargai. Tanpa bantuan mereka, projek ini tidak dapat dilaksanakan dengan baik. Semoga Tuhan merahmati mereka dan memberi balasan yang terbaik.

RUJUKAN

Al-Quran

Admin PMWP. 2020. *Al-Afkar #83: Mengapa Disuruh Berdoa Jika Telah Ditakdirkan*.
<https://www.muftiwp.gov.my/ms/artikel/al-afkar/4012-al-afkar-83-mengapa-disuruh-berdoa-jika-telah-ditakdirkan> [16 Oktober 2023]

Ahmad A'toa' Mokhtar & Mardiana Mohd Noor. 2021. *Zikir dan Tafakkur Asas Psikoterapi Islam*. *Jurnal Pengajian Islam* 14: 204-217.

Badr, A. 2023. *How You Can Use Islamic Practices for Emotional Regulation*.
<https://www.amaliah.com/post/66378/emotional-regulation-defeat-anger-through-islam> [21 November 2023]

Ibn Qayyim al-Jawziyyah. t.th. *Ad-Dā'i wa Dawā*.

Intan Nur Azizah & Noorsyifa. 2023. Manfaat Zikir Dalam Menenangkan Jiwa. *Jurnal Religion: Jurnal Agama, Sosial, dan Budaya* 1(6): 934-942.

Kementerian Kesihatan Malaysia. 2022. Hari Pencegahan Bunuh Diri Sedunia Tahun 2022.

- Mohd Zaliman Mohd Yusoff & Hazli Zakaria. 2019. The Effect of Doa in Regulating Students' Emotional State (Anxiety) and Their Confidence Level During E-Learning Session. *International Journal of Human and Health Sciences* 3(2): 39.
- Najah Nadiyah Amran & Haziyah Hussin. 2020. Wanita dan Pengurusan Emosi Melalui Pengkisahan Maryam dalam al-Quran. *International Journal of Islamic Thought*, 17: 90-100.
- Salleh, S., Wazir, R., Abd Rahman, K. A., Sudi, S., Awang, A. H., & Kamarulzaman, A. I. 2022. *Mengatasi Masalah Kesihatan Mental Melalui Pendekatan Psiko Spiritual*. *International Journal of Education, Psychology and Counseling* 7(47): 601-615.

Sharifah Danisha Humaira binti Wan Idrus (A189137)

Dr. Rossilawati Sulaiman

Fakulti Teknologi & Sains Maklumat

Universiti Kebangsaan Malaysia